

Sultan Ibrahim zahir ucapan selamat ulang tahun kepada Tunku Azizah

- Oleh HAFIZ SAIDINA
- 5 Ogos 2024, 12:47 pm



IHSAN FACEBOOK SULTAN IBRAHIM

PETALING JAYA: Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim menzahirkan ucapan selamat ulang tahun keputeraan Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah yang ke-64 tahun, hari ini.

Menerusi laman Facebook Sultan Ibrahim, Seri Paduka turut mendoakan semoga Allah SWT merahmati dan melindungi Tengku Ampuan Pahang.

“Semoga Allah rahmati dan lindungi adinda,” titah Seri Paduka.

Tunku Azizah dilahirkan di Istana Bukit Stulang, Johor Bahru pada 5 Ogos 1960 dan merupakan anakanda keempat kepada Almarhum Sultan Iskandar Almarhum Sultan Ismail dengan Enche' Besar Hajah Kalsom Abdullah.

Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah juga merupakan Tengku Ampuan Pahang yang kelima dan Raja Permaisuri Agong ke-16. – [UTUSAN](#)